

Alam dan Legenda dalam Metafora dan Analogi Sasterawan Utara

Zurinah Hassan

PENGENALAN

Kertas ini adalah dari sudut pandangan seorang penulis kreatif untuk menghurai bagaimana alam dan latar masyarakat merangsang pemikiran dan menumbuhkan hasil karya. Oleh itu huraian lebih merupakan huraian proses kreatif yang dapat ditakrifkan sebagai bermula dari idea yang kemudian diolah di dalam bentuk tulisan.

Sebuah karya sastera lahir dari pemikiran seorang sasterawan yang dibentuk oleh latar belakang, sejarah dan budaya di mana dia membesar. Seorang sasterawan adalah seorang perenung dan pentafsir alam dan hal-hal yang berlaku di sekelilingnya. Daripada renungan itu dia menemui makna kehidupan yang dilalui oleh manusia. Misalnya gunung yang tinggi akan mengingatkan kepada harapan dan cita-cita yang juga tinggi. Pulau yang jauh, mengingatkan kepada impian yang tidak mudah dicapai. Pengertian itulah yang membentuk karya yang dicipta. Karya seorang sasterawan dihasilkan oleh minda dan pandangan hidupnya yang dibentuk oleh alam dan latar sejarah dan budaya di mana dia dibesarkan. Oleh itu, untuk mengkaji karya sastera, seorang sarjana mestilah mengkaji alam dan kehidupan pengarangnya.

Begitu juga penulis-penulis di negeri-negeri utara Malaysia. Alam, budaya, legenda dan peristiwa-peristiwa yang berlaku di sekeliling mencetuskan idea dan pemikiran. Pemikiran itu disampaikan melalui bahasa yang diolah dengan cara yang kreatif termasuk menggunakan perlambangan, metafora dan analogi daripada alam, sejarah dan budaya negeri-negeri Kedah, Perlis dan tidak ketinggalan dipengaruhi juga oleh Pulau Pinang. Imej alam Melayu terolah dalam analogi dan metafora, memperlihatkan sudut pandangan terhadap isu-isu semasa. Namun begitu perlu diingat sempadan Kedah, Perlis dan Pulau Pinang pada masa dahulu bukan mengikut sempadan dan perlembagaan negara pada masa kini. Terdapat banyak karya prosa dan puisi yang berlatarkan lanskap negeri-negeri Utara serta merungkai makna cerita-cerita legenda. Paling menonjol ialah sawah padi, gunung ganang, misalnya Gunung Jerai dan laut Selat Melaka. Turut mempengaruhi pemikirannya ialah cerita dan legenda yang menjadi buah mulut masyarakat khususnya Mahsuri dan cerita-cerita yang berkaitan dengan Raja Bersiung (Hikayat Merong Mahawangsa).

Sebahagian besar puisi adalah reaksi kreatif setelah berinteraksi dengan alam dan mentafsir makna daripada objek-objek alam. Dalam karya sastera alam digunakan dalam dua cara:

1. Sebagai latar belakang kepada peristiwa yang digambarkan.
2. Sebagai sumber perlambangan, metafora, simili dan personifikasi yang merupakan peralatan atau perantara untuk menyampaikan maksud puisi.

Cara yang pertama, iaitu sebagai latar belakang, bertujuan untuk membangkitkan suasana yang sesuai dengan peristiwa. Sebagai contoh bunga-bunga berkembang di dalam taman, ketika dua kekasih bertemu dalam kebahagiaan. Sebaliknya dilukiskan keadaan cuaca mendung atau hujan ketika mereka terpaksa berpisah.

Kertas ini tertumpu kepada cara yang kedua iaitu penggunaan unsur alam sebagai sumber analogi, perlambangan dan metafora. Dengan cara ini objek alam berfungsi sebagai perantara untuk menyampaikan maksud puisi.

Metafora merupakan suatu perbandingan atau misalan. *Kamus Dewan* memberi erti metafora sebagai “Pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan yang berkenaan.” Mengikut Owen Thomas (1969) metafora ialah “A means of expressing one thing in term of another” atau yang diterjemahkan oleh Rahman Shaari sebagai “pernyataan sesuatu dengan menyebut yang lain (Rahman Shaari: 1993:1). Perkataan Metafora (*metaphore*) adalah cantuman dua perkataan meta dan phore. *Meta* bererti pertukaran atau peralihan (sense of change of position or condition) dan *Phore* bermaksud pembawa atau *bearer*. Di sini maksudnya perubahan dan peralihan yang telah berlaku kepada makna perkataan disebabkan hadirnya sesuatu perkataan lain yang menjadi pembawa atau penyebab peralihan tersebut. Di dalam sajak Dialog Kassim Ahmad terdapat baris yang berbunyi, “aku akan pergi dengan seribu Jebat si anak tani”. Jebat boleh merujuk kepada seorang biasa bernama Jebat. Tetapi perkataan “seribu” adalah pembawa perubahan kepada makna Jebat, kerana tidak mungkin ada seribu orang yang bernama Jebat yang akan pergi bersamanya. (Puisi Sepanjang Zaman 1988: 103).

Metafora memperlihatkan perbandingan dua perkara yang berlainan atau berbeza, tetapi mempunyai persamaan hanya di dalam konteks yang dibandingkan. Metafora terbentuk dengan adanya tindakan untuk membandingkan sesuatu konsep atau abstraksi dengan sesuatu yang konkrit dan lebih dekat atau lebih dikenali oleh masyarakat. Sebagai contoh, pulau dan impian adalah dua perkara yang berbeza, tetapi mempunyai persamaan di dalam konteks kedua-duanya adalah jauh dan memerlukan usaha untuk sampai ke sana. Daripada kaitan ini terciptalah metafora ‘pulau impian’. Gunung dan harapan adalah berbeza dan tidak berkaitan tetapi kedua-duanya tinggi. Lalu terjadi metafora ‘gunung harapan’. Metafora telah digunakan sejak awal sejarah kehidupan manusia. Manusia menggunakan metafora untuk memberi keterangan tentang sesuatu yang abstrak atau sesuatu konsep yang baru dan sukar untuk diterangkan. Cara yang terbaik ialah mengaitkannya dengan sesuatu perkara yang konkrit, atau fenomena yang dikenali dan mudah difahami oleh masyarakat. Misalnya menggunakan gunung yang konkrit untuk menunjukkan ketinggian harapan yang tidak boleh dilihat dan diukur.

Selain objek alam metafora juga dibentuk dari unsur-unsur lain seperti watak cerita rakyat dan legenda. Misalnya terdapat banyak puisi yang membandingkan sifat setia dengan Hang Tuah, angan-angan tinggi dengan Mat Jenin, dan pemberontakan dengan Jebat. Di dalam sajak Dialog, karya Kassim Ahmad terdapat baris “aku akan pergi dengan seribu Jebat si anak tani” yang membawa maksud dia akan bertindak untuk menuntut keadilan.

Alam jagat raya merupakan sumber metafora yang paling dominan di dalam puisi Melayu (Zurinah Hassan, 2001). Sehubungan dengan itu, H.B. Jassin pernah menulis, “Seniman yang halus perasaannya sangat rapat hubungannya dengan alam sekitar. Dalam angan-angannya alam itu hidup juga dan tumbuh-tumbuhan, batu-batu dan bunga-bungaannya baginya ialah makhluk yang bernyawa (H.B. Jassin. 1968: 114).

Pada keseluruhannya sasterawan-sasterawan yang membesar dan berkarya di Utara Malaysia adalah berketurunan Melayu dan beragama Islam. Justeru itu sebatian dengan penciptaan puisi dan penggunaan alam sebagai metafora yang selaras dengan gaya bahasa *Al-Quran* itu sendiri. *Al-Quran* juga diturunkan dengan mengandungi perumpamaan dan misal perbandingan terutama yang dikaitkan dengan unsur-unsur alam. Ahsin W. Al-Hafidz, (2005:24) mengulas kewujudan metafora atau *amsal* di dalam *Al-Quran* sebagai “menyerupakan sesuatu dengan sesuatu yang lain dan mendekatkan sesuatu yang abstrak dengan sesuatu yang inderawi (konkrit)”

Sebagai contoh Allah SWT berfirman dengan jelas tentang penggunaan metafora, melalui ayat yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah tidak malu membuat perbandingan (metafora) apa sahaja (seperti) nyamuk hingga ke suatu yang lebih kecil daripadanya (kerana perbuatan itu ada hikmatnya) iaitu kalau orang-orang yang beriman maka mereka akan mengetahui bahawaperbandingan itu benar dari Tuhan mereka.

(Surah Al-Baqarah; 26)

LEGENDA

Sastera Melayu tradisi terbahagi kepada sastera istana dan sastera rakyat. . Dalam kategori sastera rakyat terdapat mitos, legenda dan cerita rakyat. Legenda ialah cerita yang terkenal atau menjadi identiti sesuatu tempat atau sesebuah negeri. Ia mungkin berkisah tentang seorang tokoh yang dipercayai pernah hidup pada zaman dahulu walaupun kisahnya mungkin diolah mengikut citarasa si tukang cerita sehingga ada beberapa bahagian yang tidak dapat diterima akal dalam ukuran masa kini seperti memiliki sifat-sifat keramat, berdarah putih dan sebagainya. Cerita-cerita ini juga mengalami tokok tambah ataupun pengurangan menerbitkan pelbagai variasi di tempat yang berlainan. Legenda dan cerita rakyat diperturun dari datuk kepada cucu-cucu atau diceritakan oleh tukang cerita seperti selampit yang terkenal di Perlis. Selain itu terdapat penglipur lara, yang juga digelar "pawang", yang menyampaikan cerita dengan cara yang menarik sebagai hiburan rakyat.

Legenda sering dikaitkan dengan sejarah walaupun kedua-dua bidang ini saling menampilkan perbezaan antara satu sama lain. Dalam bidang kesusasteraan, terdapat karya sastera yang menggunakan sejarah sebagai isi utama. Khasnya dalam novel yang dikenali sebagai novel sejarah yang terlalu banyak untuk disebut di sini. Sekadar contoh ialah novel *Kalbu Qalha* oleh Amelia Hashim (Dewan Bahasa dan Pustaka 2017), *Anak Kedah* oleh Tajuddin Abdul Rahman.(DBP 1990). Novel Sejarah menggabungkan fiksyen dan fakta sejarah untuk melahirkan sebuah karya kreatif.

Bagi sasterawan, kisah-kisah legenda lazimnya mengisi ingatan mengusik perasaan dan mencorakkan pemikiran. Ingatan kepada kisah lama membenih karya-karya, antaranya oleh Usman Awang, Shaharom Husain, Muhammad Haji Salleh dan Faisal Tehrani. Sejarah dan legenda bukan sekadar kenangan tetapi menjadi iktibar dan teladan. Tulisan ini lebih tertumpu kepada legenda yang diberi interpretasi baharu. Hal ini disebut sebagai kemunculan pensejarahan baharu atau New Historicism. Pensejarahan baharu melihat fakta lama tetapi dikonstruksikan semula kepada bentuk realiti baharu. Dalam perkataan Mana Sikana "Menyusur masalah untuk menyisir makna baharu".(Mana Sikana 2008)

Negeri Kedah dan Perlis adalah negeri yang penuh legenda. Terdapat banyak cerita rakyat dan cerita-cerita bertaraf mitos berkaitan sesebuah tempat masyhur seperti Pulau Langkawi dengan legenda Mahsuri dan Kota Siputeh dengan kisah Puteri Lindungan Bulan. Ada cerita-cerita yang diklasifikasi sebagai hikayat dan bertaraf karya agung, seperti Merong Mahawangsa. Legenda legenda ini sering merangsang pemikiran kritis seorang penulis dalam proses kreatif penulis-penulis kontemporari .

Pemikiran Kritis membangkitkan rangsangan untuk melahirkan karya baharu. Apakah yang dimaksudkan dengan Pemikiran Kritis ? Ciri-ciri Pemikiran Kritis dapat dirumuskan seperti di bawah:

1. Berlaku Interpretasi semula serta memberi pemikiran yang berlainan dari apa yang diterima sebelum ini.
2. 2.Pemikiran yang baharu dan belum dikemukakan dalam mana-mana karya baik oleh penulis berkenaan atau penulis-penulis lain.

3. Menyimpang atau bercanggah daripada pendapat umum yang diterima dan digunapakai oleh masyarakat turun temurun.
4. Membawa pemikiran dan pandangan yang baharu dan lebih bernas serta lebih relevan, misalnya dengan isu semasa.

(Zurinah Hassan, 2020)

MAHSURI DAN RAJA BERSIUNG

Sebagai anak Kedah, penulis membesar dengan cerita orang tua-tua tentang Mahsuri dan Raja Bersiung. Ada cerita dari mulut nenek yang dikaitkan dengan Pulau Langkawi pada zaman dahulu. Kononnya Putera Rom ditunangkan dengan Puteri China dan burung garuda telah bertekad untuk memisahkan mereka berdua supaya perjodohan itu tidak terjadi. Si garuda menyampaikan hasratnya kepada Nabi Sulaiman dan baginda berkata garuda tidak akan Berjaya. Si garuda memukul bahtera yang membawa Putera Rom ke negeri China untuk menenggelamkannya. Mengikut cerita seterusnya, kapal yang membawa Putera Rom telah hanyut terdampar di Pulau Langkawi di mana Puteri China sedang berada. Tidak begitu jelas bagaimana hal ini berlaku tetapi keduanya telah berjumpa. Oleh kerana tidak berjaya, garuda malu kepada Raja Sulaiman lalu terbang menghilangkan diri dari dunia ini.

Legenda termasyhur Pulau Langkawi ialah Mahsuri. Ada dua perkara tentang Mahsuri yang menjadi sebutan dan perbualan, iaitu sumpahnya ke atas Pulau Langkawi dan darahnya yang dikatakan putih. Kewujudan manusia berdarah putih tentu sahaja sukar diterima oleh akal dan logika, menyebabkan ramai yang tidak mempercayai cerita tersebut. Pemikiran kembali tentang darah putih itu melahirkan sajak "Darah Putih Mahsuri". Sajak ini cuba memberi jawapan mengapa Mahsuri berdarah putih. Darah putih itu adalah sesuatu yang disengajakan oleh tukang cerita untuk tujuan dan niatnya yang tersendiri. Dalam pemikiran penyair, darah putih itu sengaja dimasukkan agar cerita itu dapat menangkap perhatian dan menjadi ingatan ramai. Motif cerita ialah untuk menonjolkan fitnah dan kekejaman. Si tukang cerita memerlukan sesuatu yang unik dan berunsur kepalsuan untuk menonjolkan kebenaran. Kebenaran yang dimaksudkan ialah wujudnya fitnah dan kekejaman di kalangan manusia.

Darah Putih Mahsuri

(Apologia tukang cerita)

Maafkan aku Mahsuri
mengheretmu ke dalam kontroversi
lantaran pengakhiran yang kupilih
kau berdarah putih
hingga mereka terus bertengkar
itu tidak mungkin benar.

Tapi bagaimana
kalau kuceritakan seadanya
demi menjaga batas logika
kau sebenarnya tidak terlalu jelita
biasa dan sederhana
adakah mereka akan begitu bersimpati
apakah kau akan disayangi
dan dijadikan puteri
sanjungan Langkawi.

Darah putih adalah taktik kejutan
supaya kau menjadi sebutan
lalu mereka turut mengingati
racun fitnah hasad dengki

yang telah membunuhmu Mahsuri.

Fitnah dan kekejaman
adalah suatu kebiasaan
mungkin tak tersentuh di fikiran
untuk menonjolkannya
aku perlukan keganjilan
seperti darah putih daripada jasadmu
walaupun itu palsu.

Dan, aku memerlukan kepalsuan
untuk menonjolkan kebenaran.

(Zurinah Hassan, 2006: 119)

Sebuah lagi sajak berjudul 'Mahsuri', memberi tumpuan kepada kedudukan Langkawi sebagai pusat pelancongan dan sumpah Mahsuri yang dikatakan telah mengakibatkan Pulau Langkawi berada dalam kemunduran selama tujuh keturunan. Pemikiran kembali adalah bercanggah dengan pendapat umum sebelum ini. Puisi ini melontar pendapat bahawa sumpah itulah yang sebenarnya membesarkan Langkawi.

Mahsuri
Selendangmu mengibar di pantai
Menyambut tetamu pulau
Setiamu menjadi lagu nyanyian ombak pagi
Rambutmu menjadi jalur hitam
Terapung di laut malam
Airmatamu dingin embun
Jatuh ke tujuh telaga
Dendam tujuh keturunan
Melengkung tujuh tanjung
Putihlah pulau ini
Disimbah darah Mahsuri
Mahsuri
Sumpah itulah yang telah menghidupkan langkawi
Kerana tanpamu
Langkawi tidak sebegini bererti.

Kata orang Mahsuri tidak pernah hidup
Ia hanya bermula dari khayalan seorang seniman
Pun kata orang mahsuri pernah hidup
Tetapi bahasa seorang pencerita
membuatnya lebih hidup daripada kehidupannya
Sastera mewarnai tanah air kerana tanpa mahsuri
Langkawi tidak sebegini bererti
Mahsuri membesarkan langkawi
Sastera membesarkan tanahair.

(Zurinah Hassan, 1994: 67)

Mahsuri digambarkan dengan kecantikan dan keindahan pantai, pulau dan ombak. Bercanggah dengan pandangan biasa Sumpah Mahsuri ditafsir semula sebagai sesuatu yang sebenarnya menghidupkan Langkawi. Tanpa legenda Mahsuri Langkawi tidak menjadi begitu bererti seperti hari ini. Justeru itu, penulis melontarkan pandangan bahawa cerita-cerita rakyat dan sastera pada keseluruhannya, dapat membesarkan tanah air. Begitulah pemikiran kritis dan proses kreatif sajak Mahsuri.

Sebuah lagi ialah legenda yang melalui pemikiran kritis ialah kisah Raja Bersiung.

Jujurnya Seorang Hamba

Pada suatu malam yang celaka
Raja Ong Maha Prita Daria
Mengecapi kelazatan semangkuk bayam
Dengan nikmat yang luas biasa

Setelah mendengar cerita sebenar
Dia pun ketawa bergegar
Ketawanya menggila
Dan bermulalah huru-hara

Pada suatu pagi yang amat hiba
Wan Anum yang sarat mengandung
Merayu belas kasihan datuk penghulu
Meminta seulas nangka
Yang sedang dibawa menghadap raja

Setelah melihat nangka yang tercedera
Raja terlalu murka
Dengan marah tak terkawal
Raja kehilangan akal

Dikoyaknya perut isteri Laksamana
Hanya kerana seulas Nangka
Dipancungnya rakyat sesedap rasa
Hanya untuk menjamu selera

Segalanya mungkin tidak berlaku
Jika si tukang masak itu
Tahu menyembunyikan rahsia
Dan tidak terlalu jujur
Tentang darah yang tercampur
Ke dalam mangkok sayur

Datuk penghulu itu juga
Boleh mencipta seribu helah
Tentang Nangka yang terbelah
Tapi apakan daya
Kerana setia yang tiada tara
Mereka hanya tahu berkata ya
Kerana taat yang tidak terhad
Mereka mengangguk dan menunduk
Walau raja sedang menjilat-jilat
Semangkok lazat daripada darah rakyat

Apa yang berlaku telah berlaku
Kerana datuk penghulu
Dan si tukang masak itu
Adalah antara beribu-ribu
Hamba Melayu.

(Salasilah, DBP; 2005, 76-77)

Ini adalah kisah masyhur dan ngeri. Raja Ong Maha Prita Daria yang merasa sayur bayamnya lebih enak daripada yang pernah disantapnya. Dia bertanya mengapa sayurnya lebih sedap daripada biasa. Si tukang masak dalam ketakutan memberitahu yang semasa momotong bayam dia terhiris jari lalu darah dari jarinya tertitis ke dalam mangkuk sayur. Setelah mendengar kata-kata tukang masak itu, raja pun ketawa dan di sinilah bermulanya huruhara.

Proses kreatif sajak ini digerakkan oleh pemikiran yang melintas iaitu si tukang masak itu tidak sepatutnya memberitahu raja tentang darah yang tertitis ke dalam mangkuk sayur. Sepatutnya si tukang masak tidak berterus terang. Akibat daripada sikap terlalu jujur kepada raja banyak mala petaka yang menimpa rakyat. Hal yang sama berlaku dalam kisah Sultan Mahmud mangkat dijulang. Kisah ini sudah diketahui ramai. Wan Anum, isteri Laksamana yang sarat mengandung dan mengidam, telah merayu meminta angka yang sedang dibawa oleh Tok Penghulu untuk dipersembahkan kepada Sultan. Setelah melihat angka yang terbelah, dan diberitahu oleh datuk penghulu akan hal yang terjadi, Raja terlalu murka lalu menghukum isteri Laksamana sekejamnya.

Intipati dari legenda itu ialah pemikiran bahawa segala penderitaan hidup rakyat selama ini adalah berpunca dari sikap terlalu taat kepada raja. Mentaliti fuedalisma adalah punca segala penderitaan. Ia menghalang rakyat daripada berfikir untuk menyelamatkan diri menyebabkan kuasa raja terus kekal tanpa kawalan.

Cerita legenda dan penyampainya tok selampit menjadi ingatan rakyat. Bagi Penyair veteran Perlis, Rejab F.I. (penerima SEA Write Award 2016), Selampit ialah lambang unsur-unsur tradisi yang semakin menghilang. Bagi Rejab F.I. Selampit membawa penduduk kampung, iaitu petani-petani untuk berkumpul dan merasa dekat sesama mereka. Selampit dan penceritaannya juga adalah jalan pelarian daripada kenyataan hidup rakyat marhaen yang getir. Dalam sajak Selampit, penyair menggambarkan musim selepas menuai dan kemiskinan rakyat diungkap pada "tika malam berlaguh suram".

Selampit

Musim panen yang ghairah
Angin timur membelai mesra
Suara punggung sayup berhiba
Tika malam berlabuh suram:
 Berkumpullah petani-petani purba
 Menghayati cita rasa-ceritera
 Menjangkau alam Firdausi
 Bersama bidadari kayangan
 Dan Sang Dewata Mulia Raya.

Selampit,
Beralunlah iramamu mendayu dan menghiba
Bersama dendangan suara cengkerik
Asap kemenyan melenggang mesra
Bergemalah ceritera-ceritera
 -Puteri Dewi Murni
 Kemurnian seorang puteri Sang Dewata
 -Lindungan Bulan Kedah Tua
 Kegagahan Selampit pahlawan negara
 -atau Si Suton
 Putera setia sebuah desa

Sehingga berkokoklah ayam di gelegar
Irama Selampit menjangkau fajar.
Selampit,

Kini pusaka abadimu tidak lagi bersinar
Zaman menginjakmu ke dasar kehidupan
Tiada lagi asap kemenyan berkepuluan
Tiada lagi suara serakmu mendayu harapan
Hanya yang tinggal
Sebuah teratak usang

(Rejab F.I. 1986: 64,65)

SAWAH DAN PADI

Negeri-negeri Utara Malaysia khasnya Kedah dan Perlis adalah negeri pertanian yang digelar Jelapang Padi Malaysia. Banyak puisi yang memaparkan lanskap sawah dan padi lahir dari pena penyair-penyair Utara. Di samping itu terdapat karya-karya novel dan cerpen yang bertemakan kehidupan petani. Antara novel yang masyhur ialah *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad.

Bagi penyair Utara, padi bukan sekadar bahan makanan dan sumber pendapatan. Lebih daripada itu padi dianalogikan sebagai kemakmuran, maruah dan harga diri. Padi didapati dengan kerja keras dari mula membajak sawah hingga dapat dijadikan beras. Justeru itu ia diumpamakan sebagai perjuangan hidup.

Rahman Shaari, penyair kelahiran Perlis, menulis sajak "Hampan Kuning". Di dalam puisi tersebut dinyatakan bagaimana sawah yang terhampar luas memberi sesuatu kesedaran kepadanya tentang budi, perjuangan dan ilmu. Kata hampan membawa gambaran sesuatu yang terbentang luas dan dapat dilihat sejauh pandangan. Kuning ialah warna padi yang sedang masak dan juga emas yang melambangkan kemakmuran.

Namun begitu yang terhampar bukan sahaja sawah. Ia adalah analogi kepada kehidupan dan perjuangan yang terentang luas di hadapan. Padi masak menguning emas menjadi lambang kemakmuran dan kebijaksanaan seorang ayah kerana berjaya melengkapkan anaknya dengan ilmu dan keyakinan. Si anak merasa damai dan makmur dengan keikhlasan cinta ayah dan ibu yang mendewasakannya. Hampan dan kesuburan tanah di kampung juga sejajar dengan kesuburan ilmu yang terhampar di dada penyair.

Hampan Kuning

Sesekali pulang
Mahu kuresapkan keseluruhanmu
Ke dasar diri
Lalu hidup bersama aliran darahku
Sambungan dari keikhlasan cinta
Ayah ibu
Yang mendewasakan aku kemudian lepas
Kerana yakin pada ilmu

"Tanah di kampung ini," kata ayah,
"akan nanti tidak subur
Apa yang bakal terhampar
Di dadamu."

Di beranda rendah ini
Mataku **bermandi di lautan padi**,
Hampan kuning,
Engkau telah mendarahkan budayaku
Teman ikrab yang pernah menjauh
Kembali mengetuk pintu kesedaranku.

Aku kini pulang padamu
Bersama kasih dulu tak bakal layu
Aku pulang dengan rasa lama
Dan akal baru.

(Rahman Shaari, *Gurindam Alam*: 121)

Laut dan Pantai

Bahagian barat negeri Kedah dan Perlis, Pulau Pinang, bersempadan dengan Selat Melaka yang merupakan kawasan perairan sepanjang 930km yang merentang di antara Semenanjung Malaysia dan Pulau Sumatera. Selat menjadi salah satu jalur pelayaran terpenting di dunia kerana kedudukan yang strategik seperti Terusan Suez dan Terusan Panama. Selat Melaka adalah laluan purba yang diguna oleh kapal-kapal pedagang yang berulang alik dari Barat ke Timur. Kapal-kapal ini singgah di negeri Kedah untuk berteduh menunggu musim bertukar bagi meneruskan semula pelayaran.

Laut dan pantai adalah unsur alam yang merangsang dan menggerakkan proses kreatif. Antara sajak yang lahir ialah 'Sepanjang jalan ke Pulau Pinang'.

Sepanjang jalan ke Pulau Pinang
Laut mengimbau sayu
Ombak-ombak ini hatiku
Berhasrat tiada tepi

Sepanjang jalan ke Pulau Pinang
Hujan memberi lagu
Angin menampar ke tiap ruang rasa
Berhiba-hiba awan pilu.

Aku antara insan beribu
Air mataku antara laut lepa
Laguku hilang dalam angin menderu
Pecah di pantai terhempas.

Puisi ini ditulis ketika dalam feri menyeberang ke Pulau Pinang untuk memulakan pengajian di Universiti Sains Malaysia, tersiar buat pertama kali di akhbar Utusan Zaman pada tahun 1970 dan kemudian dimuatkan dalam kumpulan puisi *Sesayup Jalan* terbitan USM press 1974. Sememangnya telah banyak puisi dicipta hasil dari perjalanan dari satu tempat ke satu tempat. Perjalanan adalah pergerakan fizikal yang mempengaruhi pergerakan mental dan kerohanian. Proses kreatif yang melahirkan "Sepanjang Jalan ke Pulau Pinang" berlaku di dalam feri menyeberangi laut. Perjalanan itu adalah perjalanan diri meninggalkan rumah yang juga bererti meninggalkan zon selesa ke suatu tempat yang belum dikenali, memberi kesedaran terlantarnya diri ke dalam kedewasaan. Menyeberang laut menjadi penanda kepada perjalanan dari alam remaja menuju ke alam dewasa. Keadaan cuaca yang digambarkan dengan angin, hujan dan awan adalah unsur-unsur yang mengganggu perjalanan dan sekaligus mengganggu emosi. Apatah lagi pada ketika remaja itu, emosi mudah terganggu, sering merasa buntu dan hampir putus asa sehingga melihat semuanya sebagai sedang "pecah di pantai terhempas".

Laut dilihat sebagai medan perjuangan untuk menuju ke sesuatu destinasi. Ia adalah lambang kedewasaan dan cabaran. Selagi hayat dikandung badan cabaran dan rintangan perlu ditempuhi. Seorang yang telah dewasa mesti menempuh perjalanan laut serta menghadapi gelombang dan badai. Dalam hubungan ini, pangkalan dianalogikan sebagai satu tempat untuk memulakan perjalanan menuju kedewasaan.

Seorang ibu harus bersedia untuk melepaskan anak-anaknya yang telah dewasa untuk pergi memulakan kehidupan mereka sendiri. Menghantar dan merestui anak-anak untuk memulakan kehidupan baharu diumpamakan sebagai berdiri di pangkalan.

Berdiri di Pangkalan

Aku telah berdiri di pangkalan
Melepaskan satu demi satu perahu
Ke sungai usia ke laut kehidupan

Di pangkalan itu aku berpesan
Berhati hati anakku
Pilihlah pelabuhan terbaik
Perahumu hanya satu
Layarmu jangan tercarik

Aku berdiri di pangkalan
Dan berpesan
Lautan adalah pengajaran.

(Zurinah Hassan, 2014, *Cerita Dalam Cerita*: 87)

RUMUSAN

Huraian ini menunjukkan bahawa proses kreatif dan pengalihan karya seorang penulis bermula dari interaksi dan interpretasi terhadap unsur alam yang membesarkan mereka. Mereka juga legenda didengarnya sejak kecil. Unsur alam, seperti laut, sawah padi, gunung ganang menjadi metafora, perlambangan dan analogi tentang kehidupan yang dilalui. Walaupun laut dan ombak digambarkan sebagai cabaran dalam 'Sepanjang Jalan ke Pulau Pinang' dan 'Berdiri di Pangkalan' namun pemilihan kata-kata tidak menunjukkan sebarang pertentangan atau konflik dengan alam. Mereka menerima dan melihatnya sebagai pengajaran dan ujian yang mesti dihadapi sebagai tanda kedewasaan. Alam juga mengajar mereka tentang budi dan kerukunan hidup berkeluarga seperti dalam 'Permatang Budi' (Rahman Shaari). Alam yang luas membuat penyair insaf dan merasa dirinya kecil lalu lebih akur dengan kekuasaan Ilahi.

Legenda adalah kisah yang terkenal di dalam sejarah bangsa dan harus direnungi dan diambil iktibar. Penulis sering menganalisis dan pentafsir semula kisah-kisah legenda lalu menghasilkan pemikiran dan karya baharu dalam bentuk puisi atau prosa. Renungan dan pentafsiran ini adalah selaras dengan penciptaan sastera Melayu yang dicipta untuk memberi pengajaran dan membawa kebaikan kepada masyarakat.

RUJUKAN

- Muhammad Fadzil Yusoff, 2018, *Kosmologi Zurinah Hassan*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh, 1988. *Unsur-unsur Teori dalam Kesusasteraan Melayu dan Nusantara*, Bangi Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Rahman Shaari, 1993, *Memahami Gaya Bahasa*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Rejab F.I. 1986. *Seribu Riak di Pantai Usia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thomas O, 1969, *Metaphor and Related Subjects*, New York, Random House.
- H.B.Jassin.1968,*Tifa Penyair dan Daerahnya*, Singapura, Malayan Publishing House.
- Zurinah Hassan, 1994, *Pujangga Tidak Bernama*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zurinah Hassan, 2005, *Salasilah*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Zurinah Hassan, 2010. *Unsur Alam dalam Puisi Melayu Moden*, Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zurinah Hassan, 2014, *Cerita Dalam Cerita*: Kuala Lumpur. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Zurinah Hassan, 2020, *Membina Bakat Kreatif*, Kangar, Penerbit Universiti Malaysia Perlis.